

# Naza bina kilang kenderaan RM350 juta

14 SEP 2002

Oleh DALIZA ARIFFIN  
dan LUKMAN HAKIM

**G**URUN 13 Sept. — Kumpulan Syarikat Naza (Naza) akan melabur sebanyak RM350 juta untuk membina kilang pembuatan dan pemasangan kenderaan pelbagai guna, Naza Automotive Manufacturing Sdn. Bhd. di Gurun, Kedah.

Menurut Pengerusi Naza Kia Sdn. Bhd., Tan Sri Abdul Aziz Ismail, kilang yang dibina di atas tanah seluas 68 hektar dijangka siap dalam tempoh 18 bulan dan mampu mengeluarkan 60,000 buah kenderaan.

Katanya, keupayaan pengeluaran untuk tahun pertama ialah 20,000 buah setahun.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan Kumpul-

an Naza dan majlis pecah tanah kilang baru Naza di sini hari ini. Majlis itu disempurnakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Abdul Aziz berkata, model utama kenderaan yang akan dikeluarkan dari kilang yang mempunyai 1,500 hingga 2,000 pekerja itu adalah kenderaan pelbagai guna (MPV) nasional di bawah jenama Naza.

“Kami jangkakan dalam tempoh enam hingga sembilan bulan lagi, projek cadangan dan spesifikasi mengenai MPV nasional ini akan dapat disiapkan.”

Beliau berkata, sekiranya kemudahan kilang di Automobile Assembly Manufacturing (AAM) di Pekan telah lengkap, kerja-kerja pemasangan kenderaan akan dilaksanakan di sana terlebih dahulu.

Abdul Aziz berkata: “Kami akan mulakan kerja-kerja pema-

sangan kenderaan itu di sana terlebih dahulu tanpa mengira model kenderaan supaya tiada kos yang membazir.

“Lagipun, lebih baik kita lakukan sekarang dan mungkin kita akan mengeluarkan MPV nasional fasa kedua di kilang di sini.”

Mengenai model kenderaan yang bakal dikeluarkan di kilang baru itu, Abdul Aziz berkata, lima model disasarkan termasuk kenderaan pelbagaiguna dan kenderaan pacuan empat roda.

Katanya, kenderaan itu akan menggunakan sehingga 40 peratus komponen tempatan selepas setahun beroperasi.

Abdul Aziz menambah, selain pasaran domestik, Naza bercadang untuk mengeksport MPV nasional itu ke beberapa negara ASEAN apabila kawasan perdagangan bebas Asean (AFTA) bermula.

“Kami mahu mengeksport le-

bih daripada jumlah yang dijual di pasaran tempatan dan mungkin lebih 60 peratus,” kata beliau.

Sementara itu Pengarah Urusan Naza, SM Nasimuddin SM Amin berharap kerajaan akan memberikan insentif seperti mana yang telah dinikmati oleh dua buah pengeluar kereta nasional iaitu Perodua dan Proton.

“Status Naza sebagai pengeluar MPV nasional, ianya masih dalam perbincangan dengan kerajaan,” tambah beliau.

Beliau berkata, Naza mengeluarkan kenderaan pada harga yang berpatutan itu bertujuan melengkapkan lagi syarikat dalam industri permotoran di negara ini.

“Kita tidak mahu bersaing dengan kedua-dua buah syarikat itu daripada segi harga tetapi kita mungkin melihat daripada aspek kualiti dan rupa bentuk kenderaan,” tambah beliau lagi.